

Ruj Kami : ST (IP/JKE) KE/19/01/01 (01)
Tarikh : 04 Oktober 2016

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.
T: +603 8870 8504 F: +603 8888 8633
Toll Free : 1-800-2222-78

Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer

**SEMUA
Pengilang, Pengimport Dan Peruncit Kelengkapan Elektrik**

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN SURUHANJAYA TENAGA KEPADA PENGILANG, PENGIMPORT DAN PERUNCIT KELENGKAPAN ELEKTRIK BERKAITAN SYARAT PEMATUHAN KEPADA STANDARD MS1597-2-21:2015 (PEMASANGAN *ISOLATION BARRIER* PADA PEMANAS AIR JENIS STORAN).

-ARAHAN ST/No.3/2016

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menerima laporan dan menyiasat beberapa kes kemalangan elektrik yang melibatkan pemanas air jenis storan. Dalam usaha menangani risiko tersebut, ST dengan kerjasama pihak industri dan pengguna, telah menambah baik Standard Malaysia yang diguna pakai ST bagi tujuan pengeluaran Perakuan Kelulusan (COA) kelengkapan tersebut iaitu MS1597-2-21:2011. Penambahbaikan tersebut adalah berkaitan keperluan pemasangan *isolation barrier* pada pemanas air jenis storan, yang mampu mengawal risiko kebocoran elektrik ketika pemanas air jenis tersebut digunakan.
3. Sehubungan itu, ST dengan ini mengeluarkan Arahan ini bahawa untuk semua permohonan Perakuan Kelulusan (COA) yang baharu dan pembaharuan bagi pemanas air jenis storan, laporan ujian bagi kelengkapan tersebut hendaklah mematuhi keperluan standard MS1597-2-21:2015.
4. Suruhanjaya boleh mengubahsuaikan, mengubah atau membatalkan Arahan ini pada bila-bila masa.

5. Arahan ini telah didaftarkan dan mula berkuatkuasa pada 4 Oktober 2016.

Sekian, terima kasih.



DATUK IR. AHMAD FAUZI BIN HASAN

Ketua Pegawai Eksekutif

b.p Suruhanjaya Tenaga

s.k:

1. Ketua Pengarah
Standards Malaysia
Century Square, Level 1 & 2,
Block 2300, Jalan Usahawan,
63000, Cyberjaya, Selangor.
2. Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
Blok 8, SIRIM Complex,
No. 1, Persiaran Dato Menteri,
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor
3. Persatuan Pengedara Alat Elektrik Malaysia (MEADA)
6th Floor(Rightwing) Menara Uni-Asia,
1008 Jalan Sultan Ismail,
50250, Kuala Lumpur.
4. Persatuan Elektrik Dan Elektronik Malaysia (TEEAM)
No. 5-B, Jalan Gelugor,
Off Jalan Kenanga,
55200, Kuala Lumpur.